

D820

B B611 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) \* \* \*

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- SURUHANJAYA DIRAJA ATAU PASUKAN PENDAKWAAN KHAS BAGI MENYIASAT SKANDAL BMF TIDAK PERLU DITUBUHKAN KERANA IA DIKHUATIRI AKAN MENERUSKAN PERBUATAN Mencari PIHAK-PIHAK YANG MELAKUKAN KESALAHAN DAHULU DENGAN MAKSUD TERTENTU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

BELIAU BERKATA, INI KERANA DENGAN PUBLISITI ITU, KEPERCAYAAN RAKYAT DAN DUNIA TERHADAP BANK-BANK DI MALAYSIA DAN EKONOMINYA AKAN TERJEJAS DAN WANG YANG LESAP ITU TIDAK AKAN DIPEROLEHI SEMULA.

SEWAKTU MENJAWAB PERKARA-PERKARA BERBANGKIT DALAM PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS TITAH DIRAJA, PERDANA MENTERI BERKATA INI AKAN MENJEJASKAN PELABURAN DAN PEMULIHAN EKONOMI NEGARA AKAN LEBIH SUKAR.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA CADANGAN MENUBUHKAN SURUHANJAYA ITU SEOLAH-OLAH TIDAK MEMPERCAYAI LAPORAN AKHIR JAWATAN PENYIASAT SKANDAL PINJAMAN BMF ATAU AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENJALANKAN PENDAKWAAN DI NEGARA INI.

SIASATAN OLEH JAWATANKUASA PENYIASAT TAN SRI AHMAD NORDIN ITU TELAH MELEBIHI BIDANG TUGASNYA DAN SEKIRANYA SURUHANJAYA DIRAJA DILINDUNGI DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG, MAKA JAWATANKUASA PENYIASAT JUGA DILINDUNGI

-- LAGI.

1956MST 19 03 86

D827

U B613 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAKLAH BENAR JAWATANKUASA PENYIASAT TIDAK DILINDUNGI DAN JIKA ADA PIHAK YANG MENGEMUKAKAN SAMAN MALU TERHADAP JAWATANKUASA ITU, MAKA IA AKAN DISOAL-SIASAT DALAM MAHKAMAH SEHINGGA KEBURUKAN SELANJUTNYA TERDEDAH.

+KERAJAAN TIDAK BERHASRAT MEMBIARKAN MEREKA YANG MENGGELAPKAN WANG NEGARA TERLEPAS BEGITU SAHAJA,+ KATANYA.

+WALAUPUN KITA INGIN MENGHUKUM MEREKA YANG BERSALAH, JANGANLAH KITA MENDAKWA SESIAPA SAHAJA UNTUK MELEPASKAN GERAM KERANA SETIAP TUDUHAN PERLU DISIASAT DENGAN TELITI SUPAYA TIDAK ADA ORANG-ORANG YANG TERANIAYA.+

PERDANA MENTERI BERKATA LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA ITU BUKANLAH +KERTAS SIASATAN+ POLIS KERANA IA BUKAN BADAN KEPOLISAN DAN SIASATANNYA TIDAK TELITI DAN LENGKAP.

BELIAU BERKATA SEBAB ITULAH, SURAT YANG MENGANDUNGI TANDATANGAN PALSU DITERIMA BULAT-BULAT SEBAGAI BAHAN BUKTI YANG SAH BERSAMA DENGAN TUDUHAN ITU. BEGITU JUGA DENGAN CATATAN DALAM DIARI DAN SURAT PERIBADI.

+NAMPAKNYA JIKA NAMA INDIVIDU DISEBUT DALAM LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA ITU, MAKA ORANG ITU AKAN DIKATAKAN TERBABIT DALAM SKANDAL ITU DAN KALAU LAH DEMIKIAN ASAS PENGADILANNYA, MAKA SESEORANG HANYA PERLU MENULIS SAHAJA NAMA ORANG YANG DIBENCIKANNYA DAN MEMBABITKANNYA DENGAN SESUATU JENAYAH, MAKA ORANG ITU AKAN DIDAKWA DAN DIHUKUM.+ -- LAGI.

2008MST 19 03 86

U B617 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA SEBAGAI PIHAK KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB, PEGUAM NEGARA DAN POLIS HARUS MENYIASAT DENGAN TELITI SEBELUM MENAKWA SESIAPA.

+TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PASUKAN PENDAKWAAN KHAS HARUS DITUBUHKAN MELAINKAN JIKA KITA INGIN MEMBELAKANGI PROSES BIASA DAN MENGGANTIKAN DENGAN MAHKAMAH YANG TIDAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG SEPERTI DI BEBERAPA NEGARA KOMUNIS.+

PERDANA MENTERI BERKATA JENAYAH BMF ITU BERLAKU DI HONG KONG DAN KERAJAAN MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI BIDANG KUASA DI SANA. APA YANG BOLEH DILAKUKAN BEKERJASAMA DENGAN PIHAK BERKUASA NEGARA ITU.

BELIAU BERKATA PERCUBAAN UNTUK MENGEKALKAN PUBLISITI TERHADAP SKANDAL ITU TIDAK MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA NEGARA KERANA YANG PERLU IALAH BERTINDAK MENGHUKUM MEREKA YANG TERBABIT DAN JIKA BOLEH MENDAPATKAN SEMULA SEBAHAGIAN DARIPADA WANG YANG LESAP ITU.

+BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD (BBMB), IA SEDANG MENGURUSKANNYA DAN JIKA PIHAK PEMBANGKANG MEMPUNYAI MAKLUMAT, MEREKA HENDAKLAH MENYAMPAIKANNYA KEPADA PIHAK BERKENAAN DAN KERAJAAN TIDAK AKAN MELAYAN TUDUHAN UMUM YANG BERTUJUAN UNTUK MENARIK PUBLISITI DAN MEMPUNYAI MUSLIHAT POLITIK.+ -- LAGI.

2010MST 19 03 86

U B621 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TAN SRI AHMAD NORDIN DAN JAWATANKUASANYA DAN KATANYA TIADA SIAPA YANG DAPAT MENAFIKAN BAHAWA LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA ITU AMATLAH BERGUNA.

KATANYA PENDEDAHAN TERHADAP PERBUATAN CURANG DAN PENIPUAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU PATUT DIPUJI.

+JIKA TIDAK KERANA BEBERAPA SINDIRAN KEPADA ORANG-ORANG YANG TIDAK DAPAT MEMBELA DIRI DAN KEGHAIRAHAN PUBLISITI, LAPORAN INI BOLEH MENJADI HASIL KERJA KLASIK YANG TIDAK ADA BANDINGANNYA.

SEWAKTU MENJAWAB SOALAN OLEH ENCIK OTHMAN ABDUL (BN-ULU MUDA) PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MEMBERI KUASA KEPADA PEGUAM NEGARA BERTINDAK SECARA BEBAS MENURUT UNDANG-UNDANG TANPA PERLU MERUJUKI ATAU BERUNDING DENGAN PERDANA MENTERI ATAU KABINET.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA TANGGUNGJAWAB PEGUAM NEGARA DALAM HAL-HAL PENDAKWAAN ADALAH MENGIKUT PERKARA 145(3) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN YANG MEMBERINYA KUASA UNTUK MEMULAKAN, MENJALANKAN ATAU MENGGANTIKAN MANA-MANA PROSEDUR JENAYAH MENGIKUT BUDI BICARANYA.

ENCIK OTHMAN MEMBUAT KENYATAAN YANG MEMBERI IMPLIKASI BAHAWA DALAM SOAL PENDAKWAAN, PEGUAM NEGARA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PERDANA MENTERI DAN KABINET DAN PADA FAHAMANNYA PERLU DIRUJUK DAN DIRUNDING SEBELUM MENGAMBIL TINDAKAN. -- LAGI.

2035MST 19 03 86

U B627 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) 5 KUALA LUMPUR

SEWAKTU BERUCAP, PERDANA MENTERI TELAH BEBERAPA KALI DIGANGGU OLEH KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) YANG MEMPERSOALKAN SAMA ADA KERAJAAN MENYERAHKAN LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA PENYIASAT ITU KEPADA POLIS UNTUK TINDAKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA PIHAK BERKENAAN SEDANG DAN TERUS MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENGHUKUM MEREKA YANG BERSALAH DAN SEKIRANYA PIHAK PEMBANGKANG BERANGGAPAN SEBALIKNYA, MAKA MEREKA TELAH MEMPEROLEHI MAKLUMAT YANG SALAH.

KATANYA, LAPORAN AKHIR ITU TELAH DIKETAHUI UMUM TERMASUK POLIS DAN KERAJAAN DAN BBMB AKAN MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN BERTANYA KEPADA ENCIK LIM SAMA ADA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN JAWAPANNYA, TETAPI ENCIK LIM BANGUN DAN MEMINTA PERDANA MENTERI MEMBERI JAWAPAN YANG TEPAT DAN TIDAK SAMAR-SAMAR.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA PENYIASAT ITU BUKANLAH NOBEL DAN BBMB PERLU MENGAJINYA DENGAN TELITI DAN IA MEMAKAN MASA YANG LAMA. -- LAGI.  
2045MST 19 03 86

DB48

U B628 DEB  
PARLIMEN - MAHATHIR (BMF) 6 KUALA LUMPUR

ENCIK LIM KEMUDIAN MENIMBULKAN MENGENAI RASUAH YANG BELIAU DAKWA BERLELUASA DI NEGARA INI WALAUPUN KERAJAAN SERING MELAUNGKAN COGAN KATA BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.

KETUA PEMBANGKANG ITU MENYIFATKAN KERAJAAN SEKARANG SEBAGAI KERAJAAN 1M DAN BUKAN 2M.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PIHAK PEMBANGKANG BOLEH MENGGUNAKAN ISU RASUAH SEBAGAI ISU PILIHAN RAYA DAN BELIAU INGIN MELIHAT SAMA ADA IA BERJAYA ATAU TIDAK. -- BERNAMA.  
2047MST 19 03 86